

Jawatankuasa bincang kos sara hidup

Kota Bharu: Tindakan realistik dan implikasi kewangan, dua pertimbangan yang perlu difikirkan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum sebarang pendekatan diambil bagi menangani isu kenaikan kos sara hidup di negara ini, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan bercadang menubuhkan sebuah jawatankuasa peringkat tertinggi pada awal bulan ini, bagi membincangkan resolusi yang dikemukakan badan bukan kerajaan (NGO) dalam berdepan isu kenaikan kos

sara hidup.

“Apa saja tindakan yang diambil seharusnya lebih realistik supaya ia tidak menjejaskan kewibawaan kerajaan sendiri jika cadangan menangani kos sara hidup rakyat gagal dilaksanakan. Kita tidak boleh berjanji sesuatu yang tidak mampu dipenuhi kerajaan kerana rakyat pasti akan mempertikaikan perkara berkenaan.

“Kedua, kita juga perlu lihat kepada implikasi kewangan kerana setiap tindakan yang dibuat semestinya membabitkan kesannya. Dalam keadaan kewangan masa ini, sebarang langkah yang diambil perlu

mengelakkan timbulnya masalah baharu.

Kekangan kutipan hasil

“Maka, kita tahu ia sudah pasti mempunyai kesan politik. Dalam merangka strategi, kita perlu beri perhatian kepada pertimbangan berkenaan termasuk kos yang terbabit bagi menghadapi kekangan kutipan hasil,” katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Mustapa berkata, menerusi bajet 2016, ada andaian harga purata minyak petrol AS\$48 (RM206.54) satu tong sedangkan harga terkini sekitar AS\$36 (RM154.91) satu tong.

“Jadi kita baru saja memasuki 2016, harapan kita supaya dapat mencapai purata AS\$48 satu tong sepanjang tahun ini.

“Seperti awal tahun lalu, ada pihak menyatakan pada hujung tahun 2015, harga minyak mungkin akan naik kepada AS\$60 (RM258.18) satu tong tetapi jelas sekali ramalan berkenaan meleset.

“Jadi pengajaran untuk tahun lalu, tiada siapa boleh meramalkan dengan tepat. Kerajaan sentiasa mengkaji perkara ini dari semasa ke semasa demi kepentingan rakyat berhubung isu kenaikan kos sara hidup,” katanya.